KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	15.06.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	TNB			

Projek Hidroletrik Nenggiri

Kerajaan nafi pinggir wakil Orang Asli

Putrajaya: Kerajaan mengadakan lebih 30 sesi libat urus bersama masyarakat Orang Asli dan penduduk setempat bagi melaksanakan Projek Hidroletrik Nenggiri.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata sesi libat urus itu juga dilaksanakan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang disertai pemimpin komuniti Orang Asli dari Pos Tohoi, Pos Pulat dan Kampung Kuala Wias serta kumpulan Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan (JKOAK) di tapak projek empangan hidro itu.

Susulan itu, beliau berkata, dakwaan kononnya kerajaan meminggirkan wakil Orang Asli ketika pelaksanaan Projek Hidroletrik Nenggiri adalah tidak benar.

Katanya, Kajian Penerimaan Awam oleh pakar perunding, UKM Pakarunding Sdn Bhd pada 2018 menunjukkan tahap penerimaan projek oleh penduduk di ketiga-tiga perkampungan meningkat kepada 80 peratus berbanding 69.5 peratus pada 2015.

"Tenaga Nasional Bhd (TNB) bersama kerajaan Kelantan dan jabatan serta agensi berkaitan juga akan melakukan penempatan semula Orang Asli yang terkesan berdasarkan keperluan perundangan dan persetujuan penduduk terbabit.

"Jadi, kerajaan menafikan projek ini meminggirkan wakil Orang Asli pada peringkat pelaksanaan, malah bantahan serahan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang diadakan minggu lalu hanya membabitkan sebilangan kecil Orang Asli yang tidak bersetuju dan disertai masyarakat Orang Asli dari kawasan luar projek itu," katanya pada sidang media Permohonan Bidaan Bagi Kuota Baharu Tarif Galakan (FiT) 187Megawatt (MW) untuk sumber biogas, hidrokuasa kecil dan biojisim Semenanjung Malaysia di sini, semalam.

Kenyataan Takiyuddin ini merujuk kepada bantahan sekumpulan Orang Asli diketuai Pengerusi JKOAK, Mustafa Along yang menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri pada Selasa lalu mendakwa pembinaan empangan hidrolektrik berkenaan dijangka menenggelamkan kawasan hutan seluas 5,384 hektar yang juga tanah adat dan wilayah Orang Asli di Gua Musang, Kelantan.

Beliau berkata, penduduk terbabit dalam projek empangan ini akan ditempatkan di penempatan baharu yang lebih selesa dan dilengkapi kemudahan awam, selain pendapatan lebih terjamin menerusi perusahaan kebun getah yang bakal dibangunkan.

Katanya, perunding arkeologi juga dilantik bagi pengurusan 13 tapak prasejarah yang dikenal pasti, khususnya gua batu kapur bagi pelaksanaan kerja arkeologi atau cari gali artifak secara besar- besaran.

"Projek ini membuktikan komitmen kerajaan dalam merealisasikan Aspirasi Nasional iaitu mengurangkan kebergantungan terhadap arang batu sebagai sumber penjanaan elektrik dengan menetapkan sasaran 31 peratus kapasiti Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam pembekalan elektrik negara menjelang 2025 dan 40 peratus menjelang 2040," katanya.

Mengulas program semalam, beliau berkata, projek Kuota FiT ini merangkumi 30MW dikhaskan bagi sumber biogas, 127MW bagi sumber hidrokuasa kecil dan 30MW bagi sumber biojisim.

Semua kuota ini boleh dimohon secara bidaan dalam talian (*e-bidding*) melalui laman sesawang SEDA Malaysia, bermula 2 Ogos ini untuk hidrokuasa kecil serta 9 Ogos untuk biogas dan biojisim.

Permohonan kuota FiT secara *e-bidding* mula dilaksanakan pada 2018 bagi sumber biogas sebelum diperluaskan bagi sumber hidrokuasa kecil pada 2019 dan sumber biojisim pada 2021.

Sementara itu, di **Kota Bharu**, Pengurus Besar TNB (Kelantan & Terengganu), Mustaphakamal Yaacob, berkata TNB akan membina galeri mini artifak dan warisan Orang Asli Nenggiri di bandar Gua Musang bagi menempatkan bahan arkeologi susulan pengambilan kawasan bagi Projek Hidroelektrik Nenggiri.

Beliau berkata, galeri mini itu dijangka siap pada 2027 dan kerja ekskavasi sudah bermula sejak Mac lalu yang mengambil tempoh selama dua tahun.

Katanya, artifak berkenaan akan diletakkan di tempat simpanan sementara di Gua Musang sebelum dipindahkan ke galeri mini yang bakal dibina nanti.

"Terdapat 13 gua di kawasan tapak projek berkenaan berpotensi sebagai tapak warisan dan mungkin mempunyai bahan arkeologi dengan lapan daripadanya akan ditenggelamkan untuk membina tasik takungan utama bagi pelaksanaan Projek Hidroelektrik Nenggiri.

"Jadi TNB mengambil inisiatif untuk pemeliharaan warisan ini berdasarkan syarat sudah ditetapkan Jabatan Warisan Negara (JWN)," katanya selepas taklimat kepada media mengenai projek Hidroelektrik Nenggiri di Hotel Perdana, semalam.